

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan progres terkini pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan amat komited untuk memastikan Projek ECRL ini dilaksanakan mengikut jadual dan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat secepat mungkin. Komitmen ini dibuktikan apabila sehingga 30 September 2020, pembinaan keseluruhan projek ini telah mencapai kemajuan sebenar sebanyak 18.69% berbanding jadual sebanyak 17.9%, iaitu mendahului jadual sebanyak 0.79%.

2. Bagi Seksyen A iaitu dari Kota Bharu ke Dungun, skim keretapi telah diluluskan pada 14 Mei 2020 merangkumi pembinaan enam buah stesen iaitu Kota Bharu, Pasir Putih, Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Dungun. Kelulusan ini adalah bertepatan dengan program kerja penyediaan tapak yang telah dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2020 lalu. Pada masa ini kemajuan kerja fizikal telah mencapai 0.07% berbanding 0% (dahulu jadual sebanyak 0.07%).

3. Kerja-kerja fizikal juga sedang giat dilaksanakan di Seksyen B, iaitu jajaran dari Dungun ke Temerloh. Sejak disambung semula pada Julai 2019, kemajuan kerja fizikal di seksyen ini telah mencapai 4.69% berbanding jadual sebanyak 3.11% (dahulu jadual 1.58%) merangkumi kerja-kerja tanah dan pembinaan terowong di Dungun, Paka dan

Kuantan. Kerja-kerja awalan bagi pembinaan terowong di Gambang, Sri Jaya, Gedung Siam dan Paya Pasir juga telah dimulakan. Kerja-kerja pembinaan dijangkakan akan bermula di 101 lokasi di sepanjang Seksyen A dan B menjelang penghujung tahun 2020.

4. Bagi Seksyen C iaitu dari Temerloh ke Pelabuhan Klang, Kerajaan sedang mengkaji jajaran terbaik bagi memastikan ECRL memberi impak ekonomi yang maksima apabila disiapkan kelak. Jajaran yang terbaik dan memberi impak maksima kepada rakyat akan diumumkan apabila kajian tersebut sudah lengkap.

5. Dalam hal ini, adalah penting ECRL dipastikan tersambung secara strategik dengan jaringan logistik rel kebangsaan. Kelebihan logistik ini akan dicapai tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan penumpang, sekaligus menjadikan ECRL sebagai pemangkin ekonomi dan pekerjaan bagi kawasan di sepanjang jajarannya.

Sekian, terima kasih.